

## KERATAN AKHBAR

### (Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 14/3/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Jadi sekolah angkat UNIMAS, buka lembaran baharu SMK Saratok 2

## Jadi sekolah angkat UNIMAS, buka lembaran baharu SMK Saratok 2

**SARATOK:** Menjadi sekolah angkat pertama dari Sarawak oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), telah membuka satu lembaran baharu bagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saratok 2 untuk relevan dalam mencetus semangat kepada semua pihak mencapai misi kecemerlangan dalam pendidikan.

Menyatakan hal ini, Menteri Muda Kemajuan Tanah Datuk Abdul Wahab Aziz berkata, pemilihan sekolah angkat tepat pada masa dan selaras dengan visi negara melahirkan modal insan cemerlang dalam pendidikan termasuk aspek lain.

"UNIMAS sebagai penyeru pendidikan tinggi di Sarawak, amat berbesar hati menjadikan sekolah ini sebagai sekolah angkat pertama di negeri Sarawak.

"Pemilihan UNIMAS oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan satu pengiktirafan kepada universiti dalam mewujud dan memantapkan jalinan kerjasama antara sekolah dan universiti awam bagi melonjak kecemerlangan sekolah dalam semua bidang," katanya.

Wahab berkata demikian pada Majlis Pengisytiharan SMK Saratok 2 Sebagai Sekolah Angkat UNIMAS, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Wahab, pengisytiharan ini sejajar usaha UNIMAS terus relevan sebagai pusat kecemerlangan



**PENCETUS SEMANGAT:** Wahab bersama pihak UNIMAS, guru dan pelajar SMK Saratok 2 pada Majlis Pengisytiharan SMK Saratok 2 Sebagai Sekolah Angkat UNIMAS, baru-baru ini.

ilmu dan penyelidikan, bukan sahaja kepada warga kampus tetapi turut mencakupi kesertarian komuniti yang pelbagai dan terpisah.

Wahab percaya, dengan pengalaman dan kepakaran yang ada di UNIMAS, akan dapat menyumbang kepada pembangunan akademik dan fizikal SMK Saratok 2.

Beliau turut yakin SMK Saratok 2 sebagai Pusat Tingkatan 6 pertama di Sarawak, akan dapat membangunkan imej dan minda pelajar dengan berpaksikan identiti tersendiri dengan berkeyakinan tinggi dan berkebolehan.

Tambahnya, ini ekoran dengan persediaan awal sekolah tersebut kepada pelajar sebelum menempuh pembe-

lajaran peringkat tinggi di universiti, yang berteraskan pendidikan alaf ke-21.

Selain itu, Wahab berkata, bagi UNIMAS sendiri, kewujudan SMK Saratok 2 dilihat peluang terbaik memperkenalkan UNIMAS sebagai universiti pilihan pelajar, khususnya dari daerah Saratok untuk mengikuti program pengajian ijazah sarjana muda di UNIMAS.

Katanya manakala kepada pihak sekolah, penglibatan UNIMAS sudah tentu akan memberi impak besar kepada warga pendidik, pelajar dan masyarakat, khususnya dalam mengoptimum aspek kebitaraan yang berupaya menyerlahkan fungsi dan kewibawaan sekolah.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, sebagai awalan kerjasama UNIMAS melalui Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi, menganjurkan Bengkel Pernantapan MUET di sekolah tersebut pada 10 Mac 2016 melibatkan 200 peserta secara percuma.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumn, Professor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Prof Dr Kopli Bu-Jang, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Saratok Soontik Changkan dan Pengetua SMK Saratok 2 Abang Adrus Abang Junidi.